



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT PENASIHAT PERTANIAN NEGARA BILANGAN 2 TAHUN 2021

KUALA LUMPUR, 26 Oktober 2021 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat Pertanian Negara Bilangan 2 Tahun 2021 pada pada 25 Oktober 2021 secara hibrid bertempat di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.

Pada mesyuarat tersebut, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah mengumumkan pelantikan semula 12 orang pakar industri dan ahli akademik yang berpengalaman dalam pelbagai bidang sebagai Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi Sesi 2021-2022:

1. Y.A.M Tengku Laksamana Perlis Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM;
2. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah, Pengerusi Sunway Group;
3. YBhg. Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad, Felo Penyelidik Kanan UPM;
4. YBhg. Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang, Pengarah Eksekutif Leong Hup International Sdn Bhd;
5. YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim, Pengarah Eksekutif PWTC;
6. YBhg. Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin, Timbalan Naib Canselor UPM;
7. YBhg. Datuk Wira Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff, Presiden Emir Research;
8. YBrs. Assoc. Prof. Dr. Suhaimi Napis, Pensyarah UPM;
9. YBrs. Prof Dr. Sivamurugan Pandian, Pensyarah USM;
10. YBrs. Prof. Dr. M Niaz Asadullah, Pensyarah UM;
11. YBhg. Datuk Raghu Loganathan Pillai, Ketua Pegawai Eksekutif Ternakan Kamran Sdn Bhd; dan
12. YBrs. Dr. Yasmin B.H. Ooi, Pensyarah UMS.

Seiring dengan pelancaran Dasar Agromakanan Negara (2021-2030) (DAN 2.0), yang menasaskan agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan, Majlis ini adalah sebagai salah satu platform terbaik bagi semua ahli Majlis yang terdiri daripada ahli akademik dan pemain industri untuk menyumbang idea, pandangan dan cadangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan khususnya berkaitan sekuriti makanan supaya seiring dengan keperluan semasa.

Pelantikan 12 anggota ahli Majlis yang diketuai oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan antara lain, akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penasihat antara lain, untuk menasihat dan meneliti kerangka tadbir urus dan pelaksanaan DAN 2.0.

Pada mesyuarat kali ini, sebanyak empat (4) kertas cadangan telah dibentangkan menjurus kepada ketersediaan (*availability*) sekuriti makanan yang melibatkan aspek-aspek pengukuhan industri perikanan laut dalam, isu sumber benih negara, pengukuhan kawalan biosekuriti agromakanan dan kerjasama pihak awam dan swasta dalam sektor agromakanan negara.

Melalui MPPN, MAFI akan terus memperkasa sektor agromakanan negara bersama-sama ahli akademik dan pemain industri dalam mengenal pasti isu sektor agromakanan khususnya dalam aspek sekuriti makanan dengan mengambil langkah intervensi yang sesuai mengikut perkembangan semasa dan menyeluruh serta holistik.

KEMENTERAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
26 OKTOBER 2021